



POTRET yang merakamkan Dr. Siti Hasmah melayani suami minum pagi turut dipaparkan.



KEMESRAAN sebagai pasangan suami isteri jelas tergambar melalui potret ini.

# Seribu Wajah

UM 31/10/2003 - 7 PRECISE

## Abadikan kemesraan Dr. Mahathir, Dr. Siti Hasmah

Oleh SITI ZALEHA JORIMAI

**U**MUM melihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah sebagai *loving couple*.

Kedudukan sebagai ketua negara, nyata tidak menghalang mereka untuk mewarnai hubungan seperti pasangan suami isteri lain - bergurau-senda dan saling menyayangi.

Biarpun kasih sayang tidak dilahirkan melalui ucapan secara terbuka seperti juga pasangan tradisi lain, kilas pandangan, gerak-geri sudah cukup untuk sesiapa saja menelak kejapnya ikatan kasih sayang antara mereka.

Malah ketegasan sebagai pemimpin negara tidak menghakis sifat penyayang dan romantik Perdana Menteri yang tidak malu-malu berpimpin tangan dan usik-mengusik dengan isterinya.

Tentu ramai juga yang masih ingat detik bagaimana Dr. Siti Hasmah bangun dan berdiri di belakang suami memberi kekuatan dan semangat ketika Dr. Mahathir sebak membacakan puisi dalam satu majlis tidak lama dulu.

Kehangatan kasih sayang dan kemesraan pasangan negara ini dapat dirasai biarpun sekadar menatap potret-potret yang diabadikan dalam pameran foto 'Seribu Wajah Dr. Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan' yang sedang berlangsung di Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.

Sebanyak 1,031 potret hasil lensa kamera

jurugambar tempatan turut merakam secara *candid* beberapa detik romantik Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah.

Rupa-rupanya bukan rakyat Malaysia saja yang 'mencemburui' kemesraan pasangan Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah, malah warga asing termasuk para isteri delegasi Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) yang berkesempatan melawat pameran tersebut baru-baru ini juga kagum dengan apa yang mereka saksikan.

"Kalaulah saya dapat membina hubungan sebagaimana Perdana Menteri dan isterinya... Benar kata orang sekeping gambar mampu mengungkap seribu makna," ujar **Namuli Batoul**, seorang pensyarah dari Kampala, Uganda.

Daripada pandangan mata dan ekspresi wajah, katanya, sudah cukup menggambarkan mereka pasangan yang penuh dengan kasih sayang.

Potret Dr. Siti Hasmah menghidangkan minuman untuk suami dan ketika Perdana Menteri sedang menunjukkan kebolehan memasak sambil dibantu isteri, paling menyentuh perasaan Namuli.

"Walaupun mereka ketua negara, mereka juga menjalani rutin kehidupan seperti pasangan suami isteri yang lain, bergurau, bernesra dan tolong-menolong," ujarnya.

Bagi **Samia Abdessalam** pula, melalui potret-potret yang dipaparkan jelas menunjukkan kesetiaan Dr. Siti Hasmah kepada negara sama besar dengan kesetiannya kepada suami.

Wanita berasal dari Algeria dan kini bertugas sebagai pensyarah di Universiti Multi Media ini kagum dengan hubungan mesra yang dijalin oleh pasangan negara itu.

"Dr. Siti Hasmah bertuah kerana memiliki seorang lelaki yang bukan saja hebat ciri kepimpinannya tetapi juga penyayang dan amat mengambil berat," ujarnya.

Berpeluang mengenali Dr. Siti Hasmah secara dekat kerana kebetulan isteri Perdana Menteri merupakan salah seorang pelajar kelas Bahasa Perancisnya, Samia menyifatkan beliau seorang yang amat mudah didekati.

### Penghargaan

"Dr. Siti Hasmah tidak menjadikan kedudukannya sebagai Wanita Pertama sebagai halangan untuk menjalani hidup seperti orang biasa yang lain.

"Saya juga kagum dengan kelembutan dan sifat-sifat keibuan yang beliau miliki. Rakyat Malaysia sebenarnya bertuah memiliki pemimpin seperti Dr. Mahathir dan Dr. Siti Hasmah," ujarnya.

Beliau turut memuji langkah pihak penganjur mengadakan pameran seumpama itu yang disifatkan satu penghargaan kepada seorang pemimpin besar seperti Dr. Mahathir.

"Alangkah baiknya kalau semua negara Islam mempunyai pemimpin seperti Dr. Mahathir yang berwawasan jauh dalam membangunkan bangsa dan negaranya," ujarnya.

Dalam pada itu, **Dr. Afaf A. Hameed**, menyifatkan Dr. Mahathir sebagai sebahagian daripada cerita menarik dalam sejarah Malaysia yang harus dibanggakan oleh rakyat.

"Beliau seorang yang sangat hebat sebagai bapa, abang, suami mahupun presiden," ujarnya.

Afaf yang berasal dari Iraq tetapi sudah hampir 10 tahun menetap di Malaysia kerana mengikut suaminya yang bertugas sebagai pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia, menganggap Dr. Mahathir seorang pemimpin yang amat bertanggungjawab dalam melaksanakan tugasnya sebagai pemimpin. Lebih bertuah apabila beliau mendapat sokongan dan suntikan semangat yang tidak berbelah bagi daripada isteri seperti Dr. Siti Hasmah.

"Saya rasa kejayaan Dr. Mahathir sebahagian besarnya adalah kejayaan Dr. Siti Hasmah kerana bukan mudah menjadi seorang pemimpin negara jika tiada sokongan orang yang paling dekat yang sudah pasti seorang isteri," ujarnya.

Dr. Siti Hasmah juga baginya, wanita yang harus dicontohi bukan saja dari segi pendidikan tinggi yang dimiliki bahkan kecekalannya dalam memberi sokongan tidak berbelah bahagi yang sudah pasti meringankan lara tugas suaminya.

Bagi Afaf, sebuah rumah tangga yang kukuh berdiri atas elemen-elemen saling menyokong, menghormati dan bertimbang rasa sebagaimana yang dibuktikan oleh pasangan romantik ini.